

PENTERNAK INOVATIF

Amar bekerja di sebuah syarikat besar di kota raya. Namun begitu, kerjayanya itu bukanlah batu penghalang untuk dia



Penternakan terhadap telur itik kian mendapat perhatian dan meningkat. Pada awalnya, Amar telah membeli 30 ekor anak itik dahulu dan membina sebuah reban itik. Reban itik itu dilengkapi dengan system pencahayaan dan pengairan secara automatik.

Setelah itik-itik tersebut dewasa dan dibiakkan, akhirnya bilangan itik dan telur-telur itik semakin bertambah. Kini, Amar mempunyai 300 ekor itik dengan jumlah telur yang dihasilkan melebihi 500 biji sebulan. Kini, dia telah menjadi usahawan inovatif.

1. Di manakah Amar bekerja?

2. Berapakah bilangan itik dan telur yang telah dihasilkan melalui inovasi tersebut?

3. Bagaimanakah reban itik itu berfungsi?

Syarifah Sofia binti Syed Yusof, murid Tahun Enam Cekal, Sekolah Kebangsaan Hulu Cenderai telah terpilih sebagai Tokoh Murid 2018. Pemilihan tersebut sempena sambutan Hari Kanak-kanak Sedunia yang diadakan di dewan sekolah tersebut pada minggu yang lalu.

Syarifah Sofia merupakan anak kedua kepada sebuah keluarga petani. Syarifah Sofia merupakan ketua murid di sekolahnya dan seorang murid yang aktif serta pintar.

Syarifah Sofia telah menerima anugerah tersebut yang disampaikan oleh pengetua sekolah, Encik Badrul Muhayat bin Omar.



1. Bilakah sambutan Hari Kanak-kanak Sedunia bagi Sekolah Kebangsaan Hulu Cenderai diadakan?
a) esok b) semalam c) minggu lepas
2. Di manakah sambutan itu diadakan?
a) kelas b) dewan c) hotel
3. Siapakah Tokoh Murid 2018 bagi Sekolah Kebangsaan Hulu Cenderai?
a) Syarifah Sofia b) Syed Yusuf c) Encik Badrul
4. Apakah pekerjaan keluarga Sofia?
a) Guru b) petani c) nelayan
5. Siapakah Encik Badrul Muhayat Bin Omar?
a) Pengetua b) ayah Sofia c) Guru kelas